



## **IBU PEJABAT JPS MALAYSIA**



### **SURAT PEKELILING JPS Bil 3/2008**

### **TATACARA BARU PERMOHONAN DAN PELANTIKAN PERUNDING DI JPS MALAYSIA**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memperkenalkan peraturan baru bagi mempercepatkan proses mengemukakan permohonan dan perakuan pelantikan perunding (termasuk Jurukur Tanah) untuk kelulusan pihak berkuasa yang ditetapkan.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Kementerian Kewangan Malaysia telah mengeluarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6/2006 pada 6 November 2006 yang menetapkan Pihak Berkuasa dan Had Kuasa melantik perunding bagi projek Pembangunan Fizikal, Kajian serta Kerja-kerja Ukur Tanah dan Alam Sekitar. Di bawah arahan baru ini, kuasa melantik di peringkat Kementerian/Jabatan hanya diberikan kepada Lembaga Perolehan ‘A’ Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (LP ‘A’ KSAAS) sahaja. Jawatankuasa Pemilihan dan Pelantikan Perunding Peringkat Agensi (JPPPA) tidak lagi diberi kuasa melantik perunding.

- 2.2 Had Kuasa perlantikan perunding ini telah ditingkatkan lagi oleh Kementerian Kewangan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8/2007 (Tambahan Pertama SPP Bil. 6/2006) bertarikh 25 Mei 2007. Pihak berkuasa dan had kuasa melantik perunding adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual di [Lampiran I](#).
- 2.3 Di bawah peraturan sedia ada di jabatan, setiap permohonan Bahagian/Negeri/Pasukan Projek (Pemohon) untuk melantik perunding perlu melalui Jawatankuasa Penyelarasan Pelantikan Perunding (J3P) di Ibu Pejabat JPS Malaysia yang mempunyai urusetia di Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak (BUBK). Nama-nama perunding perlu dicadangkan oleh pemohon dan akan ditapis dan diluluskan oleh J3P. Pemohon hanya dibenarkan menilai dan memperakukan nama-nama perunding yang telah diluluskan oleh J3P sahaja. Kertas Perakuan kepada pihak berkuasa meluluskan perlu dikemukakan melalui Urusetia J3P yang akan mendapatkan tandatangan salah seorang dari Ahli J3P. J3P memperakukan salah satu daripada perunding-perunding yang telah dinilaikan untuk pertimbangan pihak berkuasa meluluskan. Proses ini didapati memakan masa yang panjang dan dengan itu melambatkan pelantikan perunding. (Carta aliran di [Lampiran II](#) menunjukkan proses sedia ada).
- 2.4 Bagi mempercepatkan proses pelantikan perunding ini, Pengurusan Tertinggi JPS Malaysia telah memutuskan untuk memperkenalkan peraturan baru bagi mengemukakan permohonan dan perakuan kepada pihak berkuasa meluluskan seperti yang ditunjukkan dalam Carta Aliran Baru di [Lampiran III](#).

### 3.0 TATACARA BARU PERMOHONAN DAN PELANTIKAN PERUNDING

#### 3.1 Penyediaan Kertas Permohonan Pelantikan Perunding

3.1.1 Pemohon hendaklah menyediakan borang permohonan dengan menggunakan format Lampiran A di dalam Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2006 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Cabutan format tersebut adalah seperti di Lampiran A Surat Pekeliling ini.

3.1.2 Bagi setiap permohonan, Pemohon hendaklah mengesyorkan sebanyak **lima (5)** nama perunding berdasarkan kriteria seperti berikut :

- a) berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang yang berkaitan
- b) keutamaan kepada perunding tempatan di lokasi projek / kajian berkenaan
- c) keutamaan kepada perunding Bumiputera
- d) pelantikan secara giliran (rotation basis)
- e) beban kerja semasa perunding
- f) saiz dan keupayaan perunding bersesuaian dengan projek / kajian
- g) kepakaran khusus
- h) pengalaman dan prestasi firma perunding
- i) kedudukan kewangan firma perunding
- j) kriteria lain yang bersesuaian

3.1.3 Rujukan boleh dibuat kepada sistem :

- i) Sistem Maklumat Perunding (SMAP) dalam laman web JPS di alamat <http://kontrak.water.gov.my/perunding/index.cfm>

- ii) Semakan nama perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan secara online di laman web <http://sr.eperolehan.gov.my>
  
- iii) Semakan beban kerja perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan secara online di laman web <http://smp.treasury.gov.my/newjp/beban.nsf>

Walaubagaimanapun, kata laluan dari Kementerian Kewangan diperlukan untuk membuat rujukan di kedua-dua laman web (ii) dan (iii).

### **3.2 Penyediaan Kertas Penilaian dan Perakuan kepada Lembaga Perolehan**

- 3.2.1 Penilaian lengkap hendaklah dibuat ke atas setiap perunding bagi perkara-perkara berikut :
  - i. saiz projek berbanding bilangan profesional
  - ii. pengalaman kerja
  - iii. pengalaman dalam kerja sejenis (dalam bidang yang dipohon)
  - iv. baki kerja dalam tangan
  
- 3.2.2 Berdasarkan markah penilaian, perunding yang disyorkan hendaklah disenaraikan dengan keutamaan diberi kepada perunding yang mendapat markah yang lebih tinggi di dalam ruangan di Para 8 Borang Permohonan.
  
- 3.2.3 Ketua Jabatan Pemohon atau Pegawai Yang Diberi Kuasa hendaklah menandatangani ruang yang disediakan di Para 8 Borang Permohonan.

### **3.3 Perakuan Jabatan**

- 3.3.1 Borang Permohonan dan Perakuan yang telah lengkap disediakan hendaklah dimajukan kepada Urusetia di BUBK Ibu Pejabat JPS Malaysia untuk semakan dalam bilangan yang ditetapkan iaitu:
  - a. sebanyak tujuh (7) salinan bagi kelulusan LP 'A' KSAAS
  - b. sebanyak tiga (3) salinan bagi kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia
- 3.3.2 Urusetia akan mendapatkan kelulusan Timbalan Ketua Pengarah JPS atau Pegawai Yang Diberi Kuasa terhadap permohonan pelantikan perunding dan nama-nama perunding yang disyorkan.
- 3.3.3 Salah seorang Perunding yang paling layak dipertimbangkan akan diperakuan oleh Timbalan Ketua Pengarah JPS Malaysia dengan menandatangani ruang di Para 9 Borang Permohonan.
- 3.3.4 Urusetia seterusnya akan memajukan Borang Permohonan untuk kelulusan pihak yang berkuasa.
- 3.3.5 Contoh borang permohonan pelantikan perunding menggunakan Kaedah Lantikan Terus adalah seperti [Lampiran A1](#) sementara Kaedah CTK adalah seperti di [Lampiran A2](#).

### **4.0 KUATKUASA DAN PEMBATALAN**

Peraturan ini berkuatkuasa dengan serta-merta dan hendaklah dibaca bersekali dengan Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2006 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia yang boleh dirujuk di alamat [http://www.treasury.gov.my/view.php?dbIndex=0&website\\_id=1&id=1788](http://www.treasury.gov.my/view.php?dbIndex=0&website_id=1&id=1788)

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, pekeliling berikut adalah dibatalkan:-

- 4.1 SP JPS.UB.4/1995 Garis Panduan Pelaksanaan Peraturan Perolehan Perkhidmatan Perunding.
- 4.2 Surat edaran bil.(1)dlm. PPS.10/4/2 CUB Jld. 2 bertarikh 7 Februari 1996 Penjelasan/Pindaan Kepada Surat Pekeliling JPS.UB.4/1995.

Sekian. Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“CINTAILAH SUNGAI KITA”**

**(DATO’ IR HJ. AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)**

Ketua Pengarah,  
Jabatan Pengairan dan Saliran  
Malaysia.

Bil. Fail : (70) dlm PPS. 10/4/2 BUB Jld. 4

Tarikh: 13hb. Mac 2008

